



## **Kenyataan Media**

### **MCMC SIASAT LIMA INDIVIDU SEBAR MAKLUMAT PALSU KENAIKAN HARGA BAHAN API**

**CYBERJAYA, 2 April 2026** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah memulakan siasatan terhadap lima (5) individu yang disyaki telah menyebarkan maklumat berunsur palsu mengenai kenaikan harga bahan api petrol dan diesel di platform media sosial Threads. Tiga (3) daripada lima (5) suspek tersebut telah dipanggil untuk rakaman percakapan bagi membantu siasatan.

Menurut aduan yang diterima, kandungan yang disebarikan oleh kesemua suspek berkaitan kenaikan harga bahan api petrol dan diesel didapati palsu, mengelirukan serta berpotensi menimbulkan kegelisahan kepada pengguna.

Hasil semakan lanjut, pihak Buletin TV3 telah mengeluarkan penafian terhadap penerbitan kandungan yang disunting menggunakan identiti visual mereka. Susulan itu, pihak MCMC juga telah menerima aduan daripada Buletin TV3 bahawa kandungan palsu yang tular tersebut adalah bukan daripada mereka dan dilakukan oleh pihak ketiga.

Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga dua (2) tahun, atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

MCMC memandang serius sebarang penyalahgunaan platform media sosial yang bertujuan untuk mengelirukan orang ramai dengan penyebaran maklumat palsu. Tindakan tegas akan dikenakan terhadap mana-mana individu yang didapati melanggar undang-undang sedia ada.

Orang ramai diingatkan agar sentiasa bertanggungjawab dalam menggunakan platform media sosial serta tidak menyalahgunakan kemudahan komunikasi bagi memuat naik atau menyebarkan kandungan yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat dan ketenteraman awam.

## LAMPIRAN GAMBAR



Sesi rakaman percakapan ke atas suspek-suspek yang terlibat.

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

